

SOALAN LAZIM

DASAR PENANGGUHAN BALIK PELAJAR TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI TUJUAN BEKERJA DI LUAR NEGARA

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah yang dimaksudkan dengan penangguhan balik pelajar tajaan JPA bagi tujuan bekerja di luar negara?	Kebenaran yang diberikan oleh Kerajaan kepada pelajar tajaan JPA di luar negara untuk menangguhkan kepulangan ke Malaysia bagi tujuan bekerja di luar negara setelah tamat pengajian dengan jaya.
2	Siapakah yang layak memohon?	Permohonan adalah terbuka kepada pelajar tajaan pinjaman dan biasiswa tahun akhir peringkat ijazah pertama di luar negara dalam semua bidang pengajian (termasuk perubatan, pergigian dan farmasi) pada tahun semasa pengajian sahaja.
3	Apakah yang dimaksudkan dengan “ peringkat ijazah pertama di luar negara ”?	“ Peringkat ijazah pertama di luar negara ” bermaksud peringkat akademik yang ditaja di luar negara seperti dinyatakan dalam surat tawaran penajaan, yang bertujuan untuk melayakkan pelajar memohon pekerjaan setaraf dengan kelayakan ijazah pertama bagi tujuan lantikan dalam perkhidmatan awam dan berdaftar dengan Badan Profesional dalam negara (sekiranya berkaitan). <u>Contoh:</u>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Bagi pelajar tajaan JPA di negara Jerman dan Perancis, pelajar yang layak memohon adalah pelajar tahun akhir peringkat Master (seperti dinyatakan dalam surat tawaran penajaan). Bagi Pelajar yang tidak melepasi kelayakan untuk ke peringkat Master atau pelajar yang layak ke peringkat Master tetapi tidak memohon, pelajar tersebut adalah tidak layak memohon penangguhan balik untuk bekerja dan dikehendaki melapor diri tamat pengajian.</p> <p>Bagi pelajar tajaan di negara Jepun dan Korea, pelajar yang layak memohon adalah pelajar tahun akhir peringkat Ijazah Pertama (seperti dinyatakan dalam surat tawaran penajaan). Bagi pelajar yang tidak melepasi kelayakan untuk ke peringkat ijazah pertama atau pelajar yang memperoleh Diploma tetapi tidak memohon untuk ke peringkat ijazah pertama, pelajar tersebut adalah tidak layak memohon penangguhan balik untuk bekerja dan dikehendaki melapor diri tamat pengajian.</p>
4	Saya merupakan pelajar tajaan Program Pelajar Cemerlang (PPC) JPA dan kini berada dalam tahun	Tidak layak. Pelajar di bawah Program PPC dikehendaki melapor diri tamat pengajian seperti ditetapkan dan tidak dibenarkan memohon penangguhan balik untuk bekerja.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
	akhir pengajian peringkat Sarjana / PhD. Adakah saya layak memohon?	
5	Bilakah permohonan perlu dibuat?	Permohonan hendaklah dikemukakan seawal enam bulan dan selewat-lewatnya dua bulan sebelum tarikh tamat taja.
6	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?	Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem MySelf.
7	Sebelum memohon, adakah saya perlu memaklumkan kepada penjamin mengenai hasrat untuk bekerja di luar negara?	Pelajar hendaklah mendapatkan persetujuan bertulis penjamin sebelum mengemukakan permohonan dengan melengkapkan Borang Persetujuan Penjamin JPA/BMI/PENJAMIN/1. Borang persetujuan tersebut hendaklah disertakan semasa memohon.
8	Apakah dokumen tambahan yang diperlukan semasa memohon?	<p>1. Surat tawaran pekerjaan daripada syarikat di luar negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sekiranya surat tawaran pekerjaan disediakan dalam bahasa selain Bahasa Inggeris, pelajar dikehendaki melampirkan dua salinan surat tawaran berikut:- <ul style="list-style-type: none"> - Surat tawaran asal - Surat tawaran yang telah diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris. <p>2. Borang Persetujuan Penjamin JPA/BMI/PENJAMIN/1 yang lengkap.</p>
9	Apakah jenis pekerjaan yang dibenarkan bagi tujuan penangguhan ini?	Pekerjaan yang ditawarkan hendaklah setara dengan peringkat akademik yang ditaja iaitu ijazah pertama seperti dinyatakan dalam surat tawaran penajaan.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
10	Saya merupakan pelajar tahun akhir di negara Perancis. Bolehkah saya memohon penangguhan balik untuk bekerja di negara lain seperti Jerman?	Boleh. Pelajar boleh memohon penangguhan balik untuk bekerja di negara selain daripada negara pengajian pelajar.
11	Berapa lamakah tempoh penangguhan yang dibenarkan?	Tempoh maksimum penangguhan yang dibenarkan untuk pelajar bekerja di luar negara adalah 3 tahun. Pelajar dikehendaki balik ke Malaysia dalam tempoh sebulan selepas tamat tempoh penangguhan balik.
12	Adakah pelanjutan tempoh penangguhan dibenarkan?	Pelanjutan tempoh penangguhan tidak dibenarkan.
13	Apakah obligasi kerajaan sekiranya saya diluluskan penangguhan ini?	Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang urusan berkaitan pekerjaan pelajar di luar negara termasuk urusan visa/permit bekerja, tiket penerbangan, insuran, kediaman dan lain-lain sepanjang tempoh penangguhan balik.
14	Adakah saya perlu mengisi atau menandatangani apa-apa dokumen tambahan?	Pelajar dikehendaki menandatangani apa-apa dokumen tambahan yang ditetapkan apabila diarahkan sebagai persetujuan ke atas syarat-syarat penangguhan.
15	Saya telah diluluskan penggantungan ikatan kontrak / penangguhan bayaran balik pinjaman untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di luar negara. Adakah saya layak memohon penangguhan balik untuk bekerja di luar negara?	Pelajar yang telah diluluskan penggantungan ikatan kontrak / penangguhan bayaran balik pinjaman untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di luar negara adalah tidak layak memohon penangguhan balik untuk bekerja di luar negara. Pelajar perlu melapor diri sebagaimana kaedah ditetapkan

NO.	SOALAN	JAWAPAN						
		setelah tamat tempoh penggantungan ikatan kontrak / penangguhan bayaran balik pinjaman.						
16	Adakah tempoh penangguhan balik yang diluluskan kepada saya untuk bekerja di luar negara dikira sebagai sebahagian daripada tempoh ikatan kontrak berkhidmat yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian?	<p>Ya. Tempoh penangguhan balik yang diluluskan kepada pelajar untuk bekerja di luar negara akan diambil kira bagi maksud pengiraan tempoh ikatan kontrak berkhidmat yang ditetapkan di dalam perjanjian.</p> <p><u>Contoh:</u></p> <table border="1" data-bbox="1137 735 2000 1211"> <tbody> <tr> <td data-bbox="1137 735 1671 876">Tempoh ikatan kontrak yang ditetapkan di dalam perjanjian</td> <td data-bbox="1675 735 2000 876">72 bulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1137 879 1671 1019">Tempoh kelulusan penangguhan balik untuk bekerja di luar negara</td> <td data-bbox="1675 879 2000 1019">36 bulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1137 1023 1671 1211">Baki ikatan kontrak yang perlu ditunaikan di dalam negara apabila balik ke Malaysia</td> <td data-bbox="1675 1023 2000 1211">36 bulan</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh ikatan kontrak yang ditetapkan di dalam perjanjian	72 bulan	Tempoh kelulusan penangguhan balik untuk bekerja di luar negara	36 bulan	Baki ikatan kontrak yang perlu ditunaikan di dalam negara apabila balik ke Malaysia	36 bulan
Tempoh ikatan kontrak yang ditetapkan di dalam perjanjian	72 bulan							
Tempoh kelulusan penangguhan balik untuk bekerja di luar negara	36 bulan							
Baki ikatan kontrak yang perlu ditunaikan di dalam negara apabila balik ke Malaysia	36 bulan							

NO.	SOALAN	JAWAPAN
17	Apakah yang perlu dilakukan setelah tamat tempoh penangguhan?	<p>Pelajar dikehendaki balik ke Malaysia dalam tempoh sebulan selepas tamat tempoh penangguhan balik. Pelajar tajaan PBU yang gagal mematuhi ketetapan ini tidak akan dipertimbangkan sebarang kemudahan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman berdasarkan tempat berkhidmat dalam negara. Pelajar biasiswa yang gagal mematuhi ketetapan ini akan dikenakan tuntutan ganti rugi.</p> <p>Pelajar yang balik ke Malaysia lebih awal daripada tempoh penangguhan yang diluluskan hendaklah memaklumpkannya kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan JPA dengan segera setelah tiba di Malaysia.</p>
18	<p>Pelajar Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Adakah saya perlu membayar balik pinjaman sekiranya diluluskan penangguhan ini?</p>	<p>Pelajar dikehendaki membuat bayaran balik pinjaman secara ansuran bulanan dalam tempoh penangguhan mengikut nilai ansuran serta kaedah pembayaran yang ditetapkan. Notis bayaran balik pinjaman akan dikeluarkan kepada pelajar dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan penangguhan. Pelajar hendaklah memastikan bayaran ansuran dibuat setiap bulan seperti ketetapan di dalam notis bayaran balik pinjaman. Kegagalan berbuat demikian akan mempengaruhi pertimbangan</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		kemudahan pelarasan balik nilai pinjaman berdasarkan tempat berkhidmat apabila pelajar balik ke Malaysia kelak.
19	<p>Pelajar PBU</p> <p>Apakah yang akan berlaku sekiranya saya membayar nilai pinjaman penuh semasa dalam tempoh penangguhan ini?</p>	Pelajar yang membuat pembayaran penuh bagi keseluruhan nilai pinjaman akan dikeluarkan surat selesai bayar yang melepaskan pelajar daripada sebarang obligasi dengan kerajaan bermula dari tarikh surat dikeluarkan.
20	<p>Pelajar PBU</p> <p>Setelah saya kembali ke Malaysia selepas tamat tempoh penangguhan, adakah saya berpeluang untuk menikmati kemudahan pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan tempat berkhidmat dalam negara?</p>	<p>Kemudahan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman berdasarkan tempat berkhidmat dalam negara hanya boleh dipertimbangkan sekiranya pelajar memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <p>(i) Pelajar dikehendaki mematuhi tempoh penangguhan yang dibenarkan dan balik ke Malaysia dalam tempoh sebulan selepas tamat tempoh penangguhan balik;</p> <p>(ii) Permohonan dikemukakan secara bertulis kepada Kerajaan setelah pelajar memenuhi tempoh berkhidmat yang dinyatakan dalam perjanjian masing-masing; dan</p> <p>(iii) Permohonan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman hanya dibenarkan sekali sahaja.</p>
21	<p>Pelajar PBU</p> <p>Tempoh penangguhan saya telah tamat tetapi saya tidak balik ke Malaysia dalam tempoh yang</p>	Pelajar yang tidak balik ke Malaysia atas apa-apa sebab dalam tempoh yang ditetapkan selepas tamat tempoh penangguhan balik tidak akan dipertimbangkan sebarang kemudahan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
	ditetapkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Apakah kesan ke atas pinjaman saya?	
22	<p>Pelajar PBU</p> <p>Tempoh penangguhan saya tamat pada 28 Januari 2027 dan saya balik ke Malaysia pada 5 Mac 2027. Saya sepatutnya balik dalam tempoh sebulan selepas tamat tempoh penangguhan. Pada 5 Mac 2031, saya mengemukakan permohonan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman kerana telah berkhidmat di syarikat swasta dalam negara dan memenuhi tempoh ikatan kontrak berkhidmat yang ditetapkan. Namun permohonan saya tidak dipertimbangkan. Mengapa permohonan saya tidak dipertimbangkan? Sekiranya saya mengemukakan rayuan, adakah rayuan akan dipertimbangkan?</p>	<p>Permohonan tidak dipertimbangkan kerana tidak memenuhi syarat berikut:</p> <p>“Pelajar dikehendaki mematuhi tempoh penangguhan yang dibenarkan dan balik ke Malaysia dalam tempoh sebulan selepas tamat tempoh penangguhan balik.”</p> <p>Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.</p>
23	<p>Pelajar PBU</p> <p>Saya telah diluluskan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman kerana berkhidmat di syarikat swasta dalam negara. Kemudian, saya telah dilantik berkhidmat di GLC dan memohon pelarasan bayaran balik kali kedua. Permohonan kali kedua</p>	<p>Permohonan kali kedua pelarasan bayaran balik nilai pinjaman tersebut tidak akan dipertimbangkan kerana kerajaan hanya membenarkan permohonan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman berdasarkan tempat berkhidmat dalam negara dibuat sekali sahaja. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
	saya ini telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Adakah rayuan boleh dipertimbangkan?	
24	<p>Pelajar PBU</p> <p>Saya telah diluluskan pelarasan bayaran balik nilai pinjaman kerana berkhidmat di sektor awam setelah balik ke Malaysia. Melalui pelarasan ini, saya telah diluluskan pengecualian penuh bayaran balik pinjaman. Semasa bekerja di luar negara dalam tempoh penangguhan yang dibenarkan sebelum ini, saya telah membayar balik pinjaman secara ansuran berjumlah RM30,000.00 daripada keseluruhan pinjaman berjumlah RM1,000,000.00. Adakah jumlah bayaran RM30,000.00 tersebut akan dibayar semula kepada saya?</p>	<p>Tidak. Sebarang bayaran balik pinjaman yang telah dibuat oleh pelajar tidak akan dipulangkan semula kepada pelajar.</p>
25	<p>Pelajar Biasiswa</p> <p>Salah satu syarat untuk melengkapkan proses lapor diri tamat pengajian saya adalah memohon pekerjaan dalam kerajaan melalui Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berkenaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sekiranya saya</p>	<p>Pelajar dikehendaki melengkapkan proses lapor diri tamat pengajian yang ditetapkan dalam tempoh sebulan dari tarikh tamat taja. Bagi permohonan pekerjaan dalam kerajaan, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Kerajaan, dalam tempoh</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
	diluluskan penangguhan balik untuk bekerja di luar negara, adakah saya perlu memohon pekerjaan dengan kerajaan semasa bekerja di luar negara?	sebulan selepas tamat tempoh penangguhan balik kelak. Pelajar juga dikehendaki mengemaskini tarikh permohonan pekerjaan kerajaan dalam Sistem MySelf setelah permohonan lengkap pekerjaan kerajaan dibuat.
26	Pelajar Biasiswa Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak balik ke Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan setelah tamat tempoh penangguhan balik?	Pelajar yang gagal melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan setelah tamat tempoh penangguhan atas apa-apa sebab akan dikenakan tuntutan ganti rugi penuh berdasarkan nilai tuntutan ganti rugi yang ditetapkan dalam perjanjian.
27	Pelajar Biasiswa Saya telah balik ke Malaysia dan mendapat tawaran pekerjaan dalam kerajaan. Saya membuat keputusan untuk tidak menerima tawaran tersebut. Apakah kesan ke atas saya?	Pelajar yang enggan berkhidmat dengan Kerajaan setelah mendapat tawaran pekerjaan akan dikenakan tuntutan ganti rugi penuh berdasarkan nilai tuntutan ganti rugi yang ditetapkan dalam perjanjian.

Tarikh kemaskini: 17 Januari 2024